

Pelbagai program perkasa wanita

➔ Forum antarabangsa babit ikon berpengaruh antara pengisian utama kalendar kementerian tahun depan

Oleh **Norhafzan Jaafar**
hafzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Forum antarabangsa mem-babitkan penyertaan ikon wanita berpengaruh seperti Hillary Clinton dan Ratu Rania, bakal mengisi kalendar 2018 yang diisytiharkan sebagai Tahun Memperkasakan Wanita.

Forum yang diadakan sempena sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2018 pada Ogos itu akan menjadi sebahagian pengisian utama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke arah memastikan pembabitkan dan peranan wanita diberi penekanan utama dalam arus pembangunan negara.

Menteri Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata pelaksanaan Tahun Memperkasakan Wanita 2018 adalah penting selaras dengan usaha kerajaan bagi menghargai sumbangan wanita dalam pembangunan keluarga dan masyarakat.

“Inisiatif strategik ini juga akan dipenuhi dengan peluang untuk wanita mendapat pendedahan maklumat dan pengetahuan mengenai isu, peluang dan cabaran dihadapi supaya mereka bersedia dan mempunyai daya saing pada peringkat antarabangsa.

“Di bawah payung pemerkasaan wanita 2018 ini, kita menumpukan lima kluster utama selaras dengan Dasar Wanita Negara iaitu Kesihatan (Gaya hidup, Kecantikan dan Sukan), Keselamatan, Ekonomi (Keusahawanan), Pendidikan (La-

tihan dan Pembangunan Kapasiti) dan Budaya (Kesenian dan Media),” katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Sesi turun padang

Rohani berkata, pelbagai inisiatif turut dirancang ke arah pemerkasaan wanita, selain mengeratkan lagi hubungan baik antara kerajaan dan badan bukan kerajaan yang menjadi pengantara kementerian dengan golongan sasaran.

Katanya, sesi turun padang juga menjadi sebahagian daripada perkara utama dilaksanakan sempena Tahun Memperkasakan Wanita 2018 itu nanti.

“Ini bertujuan mendekati rakyat terutama wanita untuk memastikan mereka terus sentiasa berganding bahu dan menyokong antara satu sama lain,” katanya.



Inisiatif strategik ini juga akan dipenuhi dengan peluang untuk wanita mendapat maklumat dan pengetahuan mengenai isu, peluang dan cabaran dihadapi supaya mereka ada daya saing pada peringkat antarabangsa”

Rohani Abdul Karim,
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat